

20 JUN 2003

Mahathir-Eropah/I

KRITIKAN TERHADAP BANGSA EROPAH TIDAK JEJASKAN EKONOMI - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak fikir kritikkannya mengenai cara-cara bangsa Eropah yang dibangkitkan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54, tidak akan menjejaskan ekonomi Malaysia.

"Saya tidak fikir begitu. Jika ia pun, akan hanya untuk seketika sahaja," kata Perdana Menteri semasa menjawab soalan mengenai perkara itu pada sidang media di akhir hari kedua perhimpunan tahunan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dalam ucapannya merasmikan perhimpunan itu semalam, Presiden Umno antara lain berkata sejarah bangsa Eropah adalah sinonim dengan peperangan dan menguji kekuatan.

Pada persidangan media semalam juga, beliau berkata bangsa Eropah dan sikap mereka yang gemar menggembar-gemburkan peperangan adalah punca kepada semua masalah dalam negara.

Dr Mahathir berkata pada masa dulu, orang akan menunjukan kritikan terhadap "orang putih", orang asing" dan kuasa besar".

"Saya suka berterus-terang. Saya sering berbuat demikian. Orang lain juga mengatakan yang serupa. Mereka kata orang asing, atau mereka katakan golongan itu atau kuasa besar.

"Tetapi sebenarnya apa yang mereka maksudkan jika mereka mengatakan 'orang putih' bermakna bangsa Eropah," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak fikir bahawa bangsa Eropah -- yang beliau sifatkan dalam ucapannya sebagai penduduk negara-negara Eropah termasuk mereka yang berhijrah dan membentuk negara baru di Amerika, Australia dan New Zealand -- harus merasa terhina.

"Saya tidak fikir bangsa Eropah patut berkecil hati hanya kerana saya menggunakan perkataan yang betul. Mereka telah menggunakan perkataan yang betul mengenai kita sudah sekian lama. Maksud saya, kita tidak kisahpun," katanya.

-- BERNAMA

MAM KHY RON